

Julie's teruskan kempen Titipkan Luahan Kasih Anda

KUALA LUMPUR – Julie's meneruskan kempen tradisinya dengan menganjurkan *Titipkan Luahan Kasih Anda* pada tahun depan sebagai satu kaedah terbaik untuk meluahkan perasaan sayang kepada ahli keluarga masing-masing.

Kempen yang kini masuk siri ketiga itu telah mula diperkenalkan sejak tahun 2015.

Pengurus Pemasarannya, Benny Chia berkata, kempen tersebut bakal menerapkan konsep yang sama seperti sebelum ini, namun ia akan menggunakan kaedah baharu menerusi gabungan teknologi semasa dan unsur tradisi.

"Dengan kemajuan teknologi semasa, masyarakat tidak lagi menulis sebaliknya, menggu-

nakan teknologi sedia ada seperti e-mel atau khidmat pesanan ringkas bagi meluahkan perasaan sayang kepada ahli keluarga.

"*Titipkan Luahan Kasih Anda* telah mendapat sambutan menggalakkan sepanjang pelaksanaannya. Ini kerana ia memberi peluang kepada masyarakat untuk meluahkan perasaan sayang kepada insan tersayang," katanya dalam kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Benny berkata, Julie's juga akan bekerjasama dengan 10 buah syarikat untuk melancarkan program *Undangan Kasih* pada tahun hadapan.

"Undangan Kasih menyediakan pelbagai baucar menarik termasuk makanan dan minu-

man serta pelancongan untuk dinikmati bersama.

"Menerusinya, syarikat akan menghantar undangan menggunakan kenderaan luahan kasih ke kawasan-kawasan yang terpilih," ujarnya.

Julie's juga akan menganjurkan peraduan *Saat Bersama* untuk menyampaikan rasa penghargaan kepada pelanggan yang telah menyokong syarikat selama ini.

"Untuk menyertai peraduan ini, orang ramai perlu merakam gambar kenangan saat-saat *Undangan Kasih* dan diikuti dengan ayat paling kreatif serta butiran insan kesayangannya sebelum memuat naik ke laman sosial Instagram atau Facebook bersama hashtag #JuliesLoveInvite.



BENNY (kanan) bersama Pengurus Besar Perfect Food Manufacturing Sdn. Bhd., Rigel Oye melancarkan kempen terbaharu Julie's di Kuala Lumpur baru-baru ini.